

# TERIMA HAKIKAT NIAT IKHLAS MAHU UM 17 NOV 1987 MAJUKAN EKONOMI

— MAHATHIR

KUALA LUMPUR 16 Nov.  
— Datuk Sri Dr. Mahathir  
Mohamad hari ini  
mengingatkan ahli-ahli  
perniagaan bahawa  
perkara terpenting yang  
perlu ada jika pemulihan  
ekonomi negara hendak  
dicapai ialah kesanggupan  
mereka menerima hakikat  
kerajaan berniat ikhlas  
untuk berusaha memajukan  
ekonomi negara.  
Perdana Menteri juga  
menegaskan Dasar  
Ekonomi Baru ialah alat

utama untuk mencapai  
kestabilan secara  
keseluruhan dan Malaysia  
tidak mempunyai pilihan  
lain kecuali menjayakan  
dasar ini walaupun ia  
menimbulkan sedikit  
halangan kepada  
kepesatan pembangunan  
ekonomi.  
"Kerajaan mungkin betul,  
tetapi ia mungkin juga  
salah tetapi kerajaan tidak  
boleh dituduh sengaja  
melakukan perbuatan yang  
merosakkan ekonomi  
negara," katanya.  
Berucap menyampaikan  
ucapan dasar di  
persidangan ahli-ahli  
perniagaan anjuran  
Yayasan Pengurusan  
Malaysia di sini pagi ini,  
beliau berkata,  
penerimaan niat ikhlas  
kerajaan adalah sangat  
penting kerana hanya  
melaluinya dapat wujud  
kerjasama antara kerajaan  
dengan sektor swasta.  
Perdana Menteri berkata  
Kerajaan Malaysia adalah  
salah sebuah kerajaan  
yang paling mudah "diajak  
berunding" di rantau ini,  
jika tidak di dunia ini.  
Menurut Datuk Sri Dr.  
Mahathir jika masyarakat  
perniagaan negara ini  
terus bersikap negatif dan  
menyalahkan dasar-dasar  
kerajaan sebagai sebab-  
sebab kemelesetan  
ekonomi dan kegagalan  
perusahaan mereka maka

LIHAT MUKA 6

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

## TERIMA HAKIKAT NIAT IKHLAS MAHU MAJUKAN EKONOMI

pemulihan ekonomi yang  
diharapkan tidak akan  
tercapai.

"Ramai orang yang  
bersedia untuk  
menyalahkan dasar-dasar  
kerajaan sebagai sebab  
berlaku kemerosotan  
ekonomi tetapi ada juga  
orang yang menyalahkan  
kerajaan setiap masa  
sebagai penyebab semua  
keburukan dan walaupun  
pada waktu-waktu  
kedudukan ekonomi baik  
mereka terus menyalahkan  
kerajaan," katanya.  
Perdana Menteri berkata  
beliau tidak menafikan  
Dasar Ekonomi Baru  
menimbulkan sedikit  
halangan ke atas  
kepesatan pembangunan  
ekonomi.

"Usah untuk menaikkan  
taraf bumiputera setanding  
dengan bukan bumiputera  
memerlukan banyak  
perbelanjaan, memakan  
waktu dan tenaga dan  
sudah tentu kita tidak  
dapat mencapai  
sepenuhnya potensi kita  
bagi pertumbuhan ekonomi.

"Jadi adakah patut  
mengeneipkan dasar ini?  
Adakah kita patut kata  
satu hal yang tidak dapat  
dielakkan jika bumiputera  
tidak dapat memajukan  
diri mereka sendiri?  
Adakah kita patut kata  
kita tidak ada waktu  
menunggu mereka.  
Adakah kita patut kata  
lupakan mereka dan  
teruskan program  
pemulihan kita?" ujarnya.

Perdana Menteri bertanya  
lagi apakah negara ini  
akan stabil dari segi  
politik jika tiada usaha  
diambil untuk  
mengimbangkan  
pembangunan kaum-kaum  
yang berbeza.  
Menurut Datuk Sri Dr.  
Mahathir walaupun  
terdapat sedikit halangan  
ke atas kepesatan  
pembangunan ekonomi,  
Dasar Ekonomi Baru ialah  
untuk kesejahteraan  
ekonomi semua orang.  
"Apa gunanya satu dasar  
liberal mengenai  
perdagangan dan  
industrian jika negara  
ini dihantui oleh perasaan  
cemburu antara  
kaum yang satu hari boleh  
menggugat kestabilan  
negara," ujarnya.  
Tanpa menyebut kejadian -  
kejadian berkenaan beliau  
berkata perkembangan -  
perkembangan baru - baru  
ini menunjukkan kestabilan  
negara ini begitu rapuh.  
"Pilihan ialah di antara  
pertumbuhan ekonomi yang  
perlahan sedikit akibat  
halangan Dasar Ekonomi  
Baru dan pertumbuhan  
yang tidak menentu di bawah  
keadaan yang tidak  
stabil," katanya.

Malaysia, tambahnya tidak  
mempunyai pilihan tetapi  
memilih Dasar Ekonomi  
Baru dan cuba  
mengendalikan halangan -  
halangan dan terus  
berusaha jika mahu kekal  
stabil kerana dasar itu  
ialah alat utama bagi

mencapai kestabilan  
menyeluruh.  
Beliau juga berharap ahli-  
ahli perniagaan bersifat  
positif dan berani mencuba  
idea-idea baru jika mahu  
melihat pemulihan ekonomi  
negara ini.  
Beliau juga menegaskan,  
dasar pandang ke Timur  
yang dikritik hebat  
termasuk oleh pihak luar  
negeri akan tetap  
diteruskan untuk menanam  
semangat dan etika kerja  
orang Timur di kalangan  
pihak pengurusan dan  
pekerja negara ini.  
Kata beliau, orang -  
orang Amerika dan  
Eropah juga memandang  
ke Timur untuk mencari  
etika dan pendekatan  
kerja yang baik tetapi  
malangnya terdapat  
kalangan tertentu rakyat  
Malaysia merasakan  
bahawa pelajaran hanya  
boleh diperolehi daripada  
'mat salleh'.  
"Sebenarnya etika mat  
salleh itulah yang  
menyebabkan kejatuhan  
kita walaupun pada masa  
yang sama jiran kita  
mencapai pertumbuhan  
yang lebih baik," katanya.

Kata Perdana Menteri,  
pihak pengurusan dan  
pekerja negara ini mesti  
mempelajari teknik  
pengurusan timur jika  
mahu berjaya dan  
bersaing.  
"Untuk berjaya dan  
bersaing, kita perlu  
produktif, jika mahu  
produktif, kita mesti jujur

dan kerja kuat. Pekerja  
yang malas dan penipu  
tidak akan membantu  
pemulihan ekonomi.  
"Sama ada kita suka atau  
tidak, kita terpaksa  
mengakui, sikap kerja  
kitalah yang menyebabkan  
kita mundur. Kita mesti  
membetulkannya," tegas  
beliau.  
Perdana Menteri juga  
mengulangi pendirian  
kerajaan untuk meneruskan  
dasar penswastan untuk  
mengurangkan penglibatan  
agensi - agensinya dalam  
perniagaan.  
Katanya, dengan  
penswastan ini, kerajaan  
dapat mengurangkan kos  
serta subsidi dan hasil  
penjimatan itu dapat  
digunakan untuk projek  
pembangunan yang dapat  
membantu menggerakkan  
ekonomi negara.  
"Ini adalah beberapa  
dasar yang tetap akan  
diteruskan kerana pada  
asasnya ia baik dan  
menguntungkan. Tetapi  
untuk memulihkan  
ekonomi, sektor swasta  
perlu memainkan peranan  
yang lebih dinamik,"  
ujarnya.  
Sehubungan dengan itu  
Perdana Menteri  
menyarankan sektor  
swasta menimbangkan  
kemungkinan  
menggabungkan dan  
membesarkan syarikat -  
syarikat mereka untuk  
mewujudkan ekonomi saiz  
besar yang akan  
membantu mengurangkan  
kos dan meningkatkan  
produktiviti.